

28/07/1997

Negara maju, NGO dibidas

JOHOR BAHRU, Ahad - Negara maju dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dibidas kerana berdiam diri dengan perbuatan George Soros yang menjadi dalang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean sejak beberapa minggu lalu.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menampelak negara maju dan NGO terbabit yang kononnya mahu membela nasib negara sedang membangun tetapi tidak bersuara dalam isu membabitkan Soros.

Sambil mengimbas kelantangan NGO dan pemimpin negara maju membangkitkan pelbagai isu termasuk alam sekitar di negara sedang membangun, beliau berkata perbuatan Soros adalah lebih buruk kerana 'menindas' rakyat miskin di rantau ini.

"Usahawan Malaysia umpamanya sering dituduh menindas rakyat dan mengancam alam sekitar dalam kegiatan pembalakan di negara luar termasuk Papua New Guinea.

"Walhal usahawan Malaysia bukan sekadar membalak, malah mempelbagaikan kegiatan ekonomi termasuk perladangan bagi membantu membangunkan negara terbabit.

"Tetapi, ke mana perginya NGO apabila Soros melakukan jenayah sehingga rakyat menderita berikutan kejatuhan nilai mata wang yang menyebabkan kenaikan harga barangan," katanya selepas melakukan upacara pecah tanah Pejabat Parti Gerakan negeri Johor di sini, hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan Soros, seorang bangsa Yahudi keturunan Hungary sebagai penjenayah dalam pasaran wang.

(END)